

SOALAN NO: 60

tidak ditentusahkan. Portal yang membawa slogan “Tidak Pasti, Jangan Kongsi” ini membolehkan orang awam menyemak berita dalam talian yang diragui kesahihannya, sama ada diterima melalui platform media sosial, perkhidmatan mesej segera, blog, laman sesawang, dan sebagainya.

Sejak dari tempoh pelancaran hingga akhir Jun 2017, portal Sebenarnya.MY dilihat mendapat tindak balas positif daripada masyarakat umum berdasarkan jumlah layarannya iaitu sebanyak 7.94 juta.

Selain itu, aspek perkongsian maklumat daripada sumber portal Sebenarnya.MY oleh masyarakat awam di media-media sosial memberi indikasi yang positif mengenai keberkesanan portal ini dalam membantu Kerajaan menangani masalah penularan maklumat serta berita yang tidak sahih atau palsu dalam talian.